

Mahfuz: Pakai warna korporat untuk perhimpunan 1 Jun
MalaysiaKini.com
May 22, 2012

Pengarah program Himpunan Hijau ke Putrajaya, Datuk Mahfuz Omar berkata ahli dan pemimpin PAS ditetapkan untuk memakai pakaian berwarna hijau untuk menyertai perhimpunan 1 Jun di Alor Setar, Kedah.

"Hijau itu lambang korporat PAS bukan bermakna kita bersendirian mahu ke Putrajaya, tetapi kita mahu PAS menjadi pendukung utama menggerakkan usaha Pakatan Rakyat menuju Putrajaya," katanya dipetik Harakahdaily.

Perhimpunan yang mensasarkan penyertaan 100,000 orang itu diadakan memandangkan PAS menanggung muktamar tahunannya sebagai persiapan untuk menghadapi pilihan raya umum, kata Mahfuz.

"Oleh kerana laporan kaji cuaca yang menunjukkan pilihan raya tidak menentu tarikhnya, jadi kita bimbang berlaku pembubaran, kita tangguh muktamar dan gantikan dengan Himpunan Hijau," katanya lagi.

Katanya, program pada hari itu terbahagi kepada tiga sesi iaitu – pagi, selepas solat jumaat dan malam.

Sesi pagi akan dimulakan dengan satu taklimat tertutup kepimpinan tertinggi parti seluruh negara dan ahli yang berhormat bersama presiden PAS di Kompleks PAS negeri, Kota Sarang Semut.

Sesi kedua pula diadakan di Stadium Darul Aman dan akan menghimpunkan seluruh anak muda dalam program yang dinamakan Xpresi Hijau Anak Muda ke Putrajaya.

Program tersebut diisi dengan satu kuliah daripada penceramah popular Azhar Idrus dan juga persembahan termasuk sketsa oleh anak muda sehingga jam 6.45 petang.

Pada sebelah malam pula, solat berjamaah dan munajat perdana akan diadakan dengan pimpinan seorang tokoh ulama pondok, Tuan Guru Salleh Musa.

Program kemuncaknya ialah selepas itu ialah ucapan oleh pemimpin utama PAS, termasuk Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abu Bakar, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Pemimpin PAS juga akan melafazkan ikrar mereka untuk memastikan Pakatan Rakyat memenangi pilihan raya ke-13, diketuai setiausaha agungnya Datuk Mustafa Ali.

Turut dimuatkan dalam program tersebut ialah deklamasi puisi khas oleh Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said, serta ucapan oleh wakil bekas penjawat awam, wakil bekas tentera, wakil

artis serta wakil selebriti yang menyertai PAS.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malysiakini.com/news/198703>